



**KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH**

30 MEI 2021


A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak **190 kes**, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **62,037 kes**. Dua (2) kes kematian direkodkan hari ini iaitu di daerah Lahad Datu. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.

- 2 Jumlah pesakit COVID-19 discaj dari hospital / sembah 131 menjadikan jumlah kumulatif 59,522 orang. Seramai 1,468 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 448 orang di hospital, 1,015 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam dan di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara lima (5) orang. Bilangan pesakit dalam ICU pula ialah 68 orang dan 24 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).

3

Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Daerah Kudat berubah dari zon kuning ke zon jingga.

4

Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Merah 14 daerah
- Zon Jingga tiga (3) daerah
- Zon Kuning empat (4) daerah
- Zon Hijau enam (6) daerah

Analisa Kes COVID-19 Di Sabah

- i Pada hari ini, jumlah kes positif COVID-19 di Sabah mencatatkan penurunan ketara keseluruhan dengan 75 kes iaitu daripada 265 kes kelmarin (29 Mei 2021) kepada 190 kes (30 Mei 2021).
- ii Daripada 190 kes jangkitan baharu hari ini, 101 kes adalah hasil daripada saringan kontak rapat, 44 kes adalah daripada saringan kluster, 31 kes adalah daripada saringan bergejala, enam (6) kes daripada saringan bersasar dan lapan (8) kes adalah daripada lain-lain kes.
- iii 10 daerah di Negeri Sabah mencatatkan penurunan kes. Tujuh (7) daerah mencapai penurunan kes dengan julat satu (1) angka manakala tiga (3) daerah lain menunjukkan penurunan ketara pada julat dua (2) angka iaitu Tawau (-43 kes), Kalabakan (-38) dan Kota Kinabalu (-26 kes).
- iv Terdapat lapan (8) daerah yang mencatatkan peningkatan kes hari ini dengan enam (6) daerah mencatatkan peningkatan kes pada julat satu (1) angka, manakala dua (2) lagi daerah lain mencatatkan peningkatan kes pada julat dua (2) angka iaitu Kunak 34 kes (+14) dan Papar 25 kes (+13). Daerah Semporna kekal catatan kes baharu sebagaimana hari kelmarin iaitu dengan tiga (3) kes.
- v Pada hari ini, 10 daerah mencatatkan sifar (0) kes iaitu Ranau, Beluran, Telupid, Pitas, Sipitang, Keningau, Tongod, Tenom, Nabawan dan Tambunan.
- vi Sungguhpun berlaku *trend* penurunan kes di Negeri Sabah sejak kelmarin, perubahan angka bagi daerah-daerah yang berada di Zon Kuning, Jingga dan Merah adalah tidak statik.
- vii Oleh sebab itu, keberkesanan penurunan kes dalam membendung penularan pendemik Covid-19 ini sangat bergantung kepada sejauh mana kesungguhan komuniti dalam pematuhan SOP kendiri dan SOP yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Negeri.

- 6 Tiada **kluster baharu** direkodkan hari ini.
- 7 Jumlah kapasiti katil 3,740 unit
- Hospital 605 unit
 - Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 2,715 unit
 - Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 420 unit.
- Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 39.25%

B PKPD KAMPUNG TANJUNG KAPOR, KUDAT

- 1 Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan peningkatan kes COVID-19 di Kampung Tanjung Kapor, Kudat, Sabah.
- 2 Sehingga kini, sebanyak 10 kes telah direkodkan oleh KKM setelah menjalani ujian saringan ke atas 24 penduduk di lokaliti tersebut.
- 3 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju melaksanakan PKPD di Kampung Tanjung Kapor, Kudat, Sabah berkuat kuasa 1 Jun sehingga 14 Jun 2021.
- 4 Pelaksanaan PKPD ini bertujuan menyekat pergerakan dan penularan jangkitan COVID-19 dari kawasan berisiko ke luar lokaliti tersebut.

C PKPD TAMAN PELANGI, SEMPORNA.

- 1 Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi semasa kes COVID-19 di Taman Pelangi, Semporna.
- 2 Sehingga kini, lapan (8) kes positif COVID-19 telah dikesan setelah KKM melakukan 28 ujian saringan ke atas penduduk di lokaliti tersebut.
- 3 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, **Kerajaan Negeri bersetuju melaksanakan PKPD di Taman Pelangi, Semporna berkuat kuasa 1 Jun sehingga 14 Jun 2021 selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.**

- 4 Pelaksanaan PKPD ini bertujuan menyekat pergerakan dan penularan jangkitan COVID-19 dari kawasan berisiko ke luar lokaliti tersebut.

D PKPD KAMPUNG ASSAM, LAHAD DATU

- 1 Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi terkini susulan peningkatan kes COVID-19 di Kampung Assam, Lahad Datu.
- 2 Dalam tempoh seminggu, 10 kes positif telah direkodkan hasil daripada 13 ujian saringan yang dilakukan oleh KKM.
- 3 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, **Kerajaan Negeri bersetuju melaksanakan PKPD di Kampung Assam, Lahad Datu berkuat kuasa 1 Jun sehingga 14 Jun 2021 selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.**
- 4 Pelaksanaan PKPD ini bertujuan menyekat pergerakan dan penularan jangkitan COVID-19 dari kawasan berisiko ke luar lokaliti tersebut.

E STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH

- 1 Setakat hari ini, **90** suntikan baharu dibuat bagi Fasa 1 Dos 1 Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **57,626** orang.
- 2 Bagi Fasa 1 Dos 2 pula, **tiada** suntikan baharu dibuat pada hari ini menjadikan jumlah kumulatif kekal sebanyak **52,667** orang.
- 3 Manakala, bagi Fasa 2 Dos 1 PICK, **4,389** suntikan baharu dibuat menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **72,797** orang.
- 4 Bagi Dos 2 Fasa 2, **2,281** suntikan baharu harian dibuat menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **26,505** orang.
- 5 Pendaftaran penerima vaksin pada hari ini ialah **7,327** menjadikan jumlah kumulatif yang mendaftar sebanyak **548,343** (mysejahtera 484,794 : laman web 63,331 : talian vaksinasi 218) bersamaan 18.7%.

F BANTUAN BAKUL MAKANAN (FOOD BASKET)

Setakat hari ini, sejumlah **324,545** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 2.0.

G LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM *INFO ON WHEELS*

- 1 Sejumlah 72 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 38,075 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, 259 buah kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 69 hebahan melalui kereta peronda dengan tiada tangkapan dibuat.
- 2 Bagi memastikan SJR dapat dilaksana dengan lebih berkesan maka PDRM akan menambah 26 lagi SJR bermula 1 Jun 2021.
- 3 Sebanyak 49 kompaun melanggar SOP COVID-19 telah dikeluarkan seluruh Sabah.
 - 15 orang : Tidak memakai pelitup muka/Tidak memakai pelitup separuh muka dengan betul.
 - Lapan (8) orang : Gagal menyediakan peralatan/merekod butiran pelanggan.
 - 13 orang : Rentas negeri/daerah tanpa kebenaran
 - 10 orang : Tiada penjarakan sosial
 - Tiga (3) orang : Membawa penumpang berlebihan.
- 4 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 116 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 37 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan, tiada tangkapan dibuat.
- 5 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 351 lokasi melibatkan seramai 206 anggota APM.

- 6 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 77 anggota di 62 lokasi.
- 7 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di tujuh (7) premis, melibatkan lim (5) buah daerah iaitu di daerah Semporna, Sandakan, Kinabatangan, Kota Kinabalu dan Keningau.
- 8 Sejumlah 50 hebahan awam dibawah program *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di lapan (8) daerah pada hari ini.
- 9 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 212 hebahan di seluruh Sabah.

H KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP PKPB pada hari ini ialah **97.5%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Tenom	98%
2	Beluran	98%
3	Kota Marudu	98%
4	Kudat	98%
5	Beaufort	98%
6	Ranau	98%
7	Kinabatangan	98%
8	Keningau	98%
9	Kunak	98%
10	Papar	97.5%
11	Lahad Datu	97.5%
12	Sipitang	97.5%
13	Tuaran	97.5%
14	Semporna	97%
15	Sandakan	97%
16	Penampang	97%
17	Kota Belud	97%
18	Kota Kinabalu	97%
19	Tawau	96.5%

- 2 Ayuh, segera daftarkan diri anda untuk menerima vaksin COVID-19 melalui MySejahtera.

Sekian.

#LindungDiriLindungSemua

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II**